

Khamis – 02 Januari 2020

Halaman : 41

# Lahir anak sebelum sempat naik helikopter

**Gua Musang:** Seorang wanita Orang Asli berdepan detik cemas apabila melahirkan bayi perempuan pramatang di rumahnya di Kampung Tandrik, Pos Bihai, di sini ketika menunggu penerbangan ihsan untuk dikejarkan ke Hospital Gua Musang (HGM), semalam.

Sima Pandak, 19, yang kandungannya baru saja usia enam bulan selamat melahirkan anak pertamanya itu pada jam 2 petang, sebelum helikopter tiba jam 4.12 petang.

Suami wanita itu, Masnan Musa, 26, ketika ditemui berkata, dia tidak sangka isterinya yang sakit perut sejak kelmarin petanda mahu bersalin berikutan kandungannya masih tidak cukup bulan.

“Tiba-tiba sahaja sakit perut isteri saya bertambah serius sejak tengah hari tadi (semalam) dan terus melahirkan anak perempuan tidak cukup bulan yang perlu terima rawatan di HGM.

“Saya bersama ahli keluarga menyambut bayi baru dilahirkan itu dan isteri bersama anak saya dalam keadaan-sihat, tetapi bayi perlu oksigen kerana tidak cukup bulan,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat



**Sima dari Pos Bihai bersama bayi pramatangnya dibawa ke Hospital Gua Musang dengan menaiki helikopter, semalam.**

(Foto ihsan JBPM)

Malaysia (JBPM) Subang, Penolong Penguasa Bomba, Mohd Farhan Marzuki, berkata pihaknya menerima laporan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Gombak pada jam 11 pagi sebelum penerbangan berlepas jam 2.51 petang.

Beliau berkata, kru yang membawa helikopter Agusta AW189 sepatutnya diarahkan

ke lokasi, namun dimaklumkan wanita berkenaan sudah melahirkan anak menyebabkan penerbangan terpaksa bertukar ke bandar Gua Musang untuk mengambil jururawat bersama alat bantuan pernafasan.

“Sebaik mengambil jururawat bersama alat pernafasan, helikopter berkenaan terus berlepas ke Kampung Tandrik pada

jam 3.53 petang untuk mengambil bayi bersama ibunya sebelum mendarat semula di pekarangan Balai Bomba dan Penyelamat Gua Musang pada jam 4.40 petang.

“Bagaimanapun, wanita bersama bayinya didapati stabil ketika dikejar pula ke HGM dengan ambulans yang disediakan JBPM,” katanya.